

Kereta api ke selatan, Pantai Timur tergendala

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Banjir yang melanda Johor, Negeri Sembilan dan beberapa kawasan di Pantai Timur menyebabkan perkhidmatan antarabangsa Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) tergendala.

Menurut jurucakap KTMB, lima perkhidmatan dibatalkan iaitu Ekspres Rakyat dari Singapura-Kuala Lumpur dan Ekspres Sinaran Pagi (Kuala Lumpur-Singapura).

Turut dibatalkan ialah Tren Mel nombor 58 Singapura-Gua Musang, nombor 61 Gua Musang-Singapura dan nombor 64 Singapura-Gemas.

"Sementara itu, bagi Tren Mel nombor 57 Gua Musang-Singapura, perkhidmatan tersebut akan berhenti setakat Gemas," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Jurucakap itu berkata, KTMB juga telah membersihkan kawasan yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh kecuali di beberapa tempat iaitu di laluan Tampin-Batang Melaka, Johor Bahru-Kempas Baru dan Segamat-Genuang.

Orang ramai boleh menghubungi Pusat Panggilan KTMB di 03-22671200 atau stesen kereta api berhampiran untuk mengetahui maklumat terkini.